

JUMAAT, 14 MAC, 1980

Dr. Mahathir dan isteri akan lawat N. Sembilan mulai Isnin

SEREMBAN, Khamis — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan isterinya Datin Seri Dr. Hasmah Mohamad Ali akan melakukan lawatan rasmi ke Negeri Sembilan dua hari mulai Isnin ini.

Beberapa aturcara berasingan telah dibuat bagi Datuk Seri Dr. Mahathir dan isterinya.

Datuk Seri Dr. Mahathir akan diberi taklimat berhubung dengan kemajuan dan rancangan pembangunan negeri di Bilik Gerakan di sini dan kemudian meletakkan batu asas kawasan perusahaan Sungai Gadut.

Pada hari kedua, beliau akan mengadap Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan di Istana Hinggap di sini selepas itu merasmikan Seminar Ahli-ahli Politik dan Pegawai-pegawai Tadbit di Port Dickson.

Seramai 200 orang ahli politik dan pegawai tadbit akan hadir di seminar yang bertujuan merapatkan lagi kerjasama antara mereka.

Empat kertas-kerja akan dibentangkan dalam seminar yang akan dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Hashim Aman.